

D764

U B963 AAB  
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BAHAWA TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, AKAN MEMENANGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO PADA PEMILIHAN AGUNG PARTI APRIL INI.

PARA ANGGOTA PERWAKILAN AKAN TENTUNYA MEMBERIKAN KEPERCAYAAN DAN MEMILIH BELIAU, KATA PERDANA MENTERI SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA MALAHAN BANYAK BAHAGIAN YANG MENCALONKANNYA.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA WALAUPUN JIKA ENCIK GHAFAR GAGAL MEMENANGI JAWATAN ITU BELIAU AKAN TERUS DILANTIK MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN HARI KESEDARAN SIVIK KEBANGSAAN DI SINI HARI INI.

+IA TIDAK MENJADI PERSOALAN SAMA ADA ENCIK GHAFAR MENANG ATAU KALAH, KERANA ADA ORANG YANG TIDAK MEMEGANG JAWATAN DALAM PARTI TETAPI MEMEGANG SESUATU JAWATAN DALAM KERAJAAN.+ -- LAGI  
1210MST 04 04 87

D765

U B964 AAB  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+SESEORANG YANG MENJADI TIMBALAN PRESIDEN PARTI HENDAKLAH SEORANG YANG DAPAT BEKERJASAMA DENGAN PERDANA MENTERI,+ KATA BELIAU. SEMALAM ENCIK GHAFAR MENGUMUMKAN BAHAWA BELIAU AKAN BERTANDING MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI DENGAN MEMBERIKAN BEBERAPA SEBAB TERTENTU. ENCIK GHAFAR MENERIMA 76 PENCALONAN DARIPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO BAGI BERTANDING JAWATAN ITU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA ENCIK GHAFAR MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DENGAN BELIAU TERLEBIH DAHULU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA TIDAK PERLU DIBINCANGKAN KERANA IA SEDIA DIMAKLUMI, TAMBAHAN SAYA TELAH MEMBUAT KENYATAAN MENYOKONGINYA.

+SAYA MEMPERCAYAINYA KERANA ITU SAYA MEMILIH BELIAU,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA YAKIN BAHAWA BELIAU AKAN DITENTANG PADA PEMILIHAN PARTI APRIL INI. -- LAGI  
1211MST 04 04 87

D770

U B965 AAB  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+SUDAH TENTU, SAYA AKAN DITENTANG,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO SAMBIL BERTANYA: +APAKAH IA MASIH BELUM JELAS?+

SEHINGGA INI PERDANA MENTERI DIJANGKA DITENTANG OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, BAGI JAWATAN PRESIDEN PARTI PADA PEMILIHAN PARTI.

BAGAIMANAPUN TENGGU RAZALEIGH BELUM MENGUMUMKAN SAMA ADA BELIAU AKAN BERTANDING ATAU SEBALIKNYA TETAPI BELIAU DIJANGKA MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA PADA 11 APRIL INI.

MENGENAI DAKWAAN OLEH TIMBALAN PRESIDEN UMNO, DATUK MUSA HITAM, BAHAWA KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA SEMAKIN MEROSOT, BELIAU BERKATA YANG BERKENAAN PERLU MENGEMUKAKAN MAKLUMAT YANG JELAS DAN NYATA MENGENAI PERKARA BERKENAAN.

SESIAPA SAHAJA BOLEH BERCAKAP MENGENAI APA SAHAJA YANG IA MAHU, KATANYA.

KETIKA DITANYA MENGENAI POTENSI PROTON SAGA PULA, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA: +SAYA MAHU ANDA NYATAKAN KEPADA SAYA, SEBUAH SYARIKAT KERETA YANG MENDAPAT KEUNTUNGAN DALAM TEMPOH LIMA TAHUN OPERASINYA DENGAN DATA DAN PERANGKAANNYA BERBANDING DENGAN PENGELUARAN PROTON SAGA+. -- LAGI  
1238MST 04 04 87

D774

U B969 AAB  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+SEMUA NYA BOLEH DIBUKTIKAN, DAN INI BOLEH DILIHAT MELALUI CATATAN REKOD DAN PERANGKAIAN UNTUK MEMBUKTIKAN SIAPA YANG BENAR ATAU TIDAK,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

MENGENAI KEPUTUSAN PARTI BANSIA DAYAK SARAWAK (PBDS) MENGGUNA SIMBOLNYA SENDIRI YANG BERTENTANGAN DENGAN KEPUTUSAN MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK (15 DAN 16 APRIL INI), BELIAU BERKATA TIDAK SEMUA ORANG MENYUKAI KEPUTUSAN ORANG LAIN.

KETIKA DITANYA SEBAB-SEBAB PBDS MENGAMBIL KEPUTUSAN MENGGUNA SIMBOLNYA SENDIRI, BELIAU BERKATA TIDAK ADA SEBAB YANG PENTING KECUALI MEREKA MAHU BERTANDING LEBIH BANYAK KERUSI DARIPADA YANG DIPERUNTUKKAN.

+JIKA MEREKA MENGGUNA SIMBOL BN, MEREKA TIDAK BOLEH BERTANDING LEBIH DARIPADA TUJUH KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN. MEREKA MAHU BERTANDING LEBIH DARIPADA TUJUH KERUSI ITU,+ TEGAS BELIAU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PBDS AKAN DISINGKIR DARIPADA BN KERANA MELANGGAR KEPUTUSAN ITU, BELIAU BERKATA BAHAWA BELIAU AKAN BERBINCANG DENGAN KALANGAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI BN TERLEBIH DAHULU DAN SATU MESYUARAT AKAN DIADAKAN KELAK. -- BERNAMA  
1246MST 04 04 87